

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SABTU, 3 OKTOBER, 1981

# *Goodyear derma \$120,000 kepada Kerusi Tun Razak*

KUALA LUMPUR, Jumaat — Goodyear Malaysia Berhad akan menderma \$120,000 kepada Kerusi Tun Abdul Razak bagi pengajian Asia Tenggara di Universiti Ohio, Amerika Syarikat.

Surat jaminan mengenai hasrat syarikat tersebut telah dihantar kepada Presiden Universiti, Dr. Charles Ping.

Pengerusi bersama Goodyear Malaysia Berhad dan Pengerusi Goodyear Tire and Rubber Company, USA, Encik Charles J. Pilliod, membacakan isi kandungan surat itu

kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di kediamannya di sini semalam.

Turut hadir di upacara singkat itu ialah Pengerusi Bersama Goodyear Malaysia Berhad dan Pengerusi Kumpulan Pemas, Tunku Datuk Shahrizan Tunku Sulaiman dan Presiden Goodyear International Corporation, USA, Encik Ib Thomson.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah kemudian meraikan Encik Pilliod serta rombongannya yang sedang melakukan lawatan ke sini dalam satu jamuan teh. — Bernama.